

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JULY 2017

'Pakatan pembangkang diketuai individu gila talak'

BH- 22/7/2017 Pg. 6

➔ Dr Mahathir sudah diberi peluang 22 tahun jadi 'top dog'

Oleh Zuraidah Mohamed,
Nor Fazlina Abdul Rahim
dan Attirmidzie Rahman
bhnews@bh.com.my

► Kota Bharu

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menganggap Tun Dr Mahathir Mohamad seorang pemimpin gila talak apabila mengangkat dirinya menjadi ketua dalam pakatan pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ia terbukti kerana pakatan DAP-PKR-Parti Amanah Negara-Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) diketuai Dr Mahathir yang partinya hanya ada satu kerusi di Parlimen.

"Pengerusi (pakatan pembangkang) hanya ada satu kerusi di Parlimen (PPBM), namun mahu jadi *top dog* untuk pakatan itu. Ikut logik, tak munasabah langsung kerana kita sudah beri peluang 22 tahun untuk *top dog* (Dr Mahathir) jadi pemimpin, kini gila talak.

"Sudah tiba masanya rakyat tolak pakatan pembangkang yang diketuai seorang yang gila talak kerana masa beliau sudah berlalu," katanya berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK), di sini semalam.

Tiga nakhoda acuan berbeza

Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden UMNO menjalankan tugas Timbalan Presiden, turut menyifatkan pakatan pembangkang akan 'tenggelam' kerana 'kapal' mereka diterajui tiga nakhoda dengan acuan berbeza.

Di Kota Tinggi, Bendahari UMNO, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, berkata Dr Mahathir adalah contoh ketua yang akan menyingkirkan mana-mana pemimpin tidak sebulu dan tidak sefahaman dengan beliau.

Ketika menerajui UMNO, Salleh berkata, muncul parti ba-

haru untuk menentang UMNO dan kepemimpinan Dr Mahathir akibat krisis atau penyingkiran pemimpin dan kini beliau pula memimpin PPBM untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak dan UMNO.

"Pada dia (Dr Mahathir) kalau tak setuju dengan pandangan dan pendapat dia, orang itu harus dijatuhkan kerana dia fikir hanya pandangan peribadinya," katanya selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Pengerang, semalam.

Salleh berkata, ahli UMNO perlu jelas dengan perjuangan parti kerana kekeliruan hanya akan menjadikan mereka terus terpedaya dengan dakwah serta tohmahan pihak lain termasuk pembangkang.

"Dalam politik, tidak boleh keliru (dengan perjuangan parti), nanti jadi 'atas pagar'. Kita perlu jelas dalam perjuangan. Apa yang (Presiden UMNO) lakukan bukan untuk kepentingan peribadi tetapi untuk kebaikan parti," katanya.